

20/03/1998

Demokrasi Umno melalui teguran (HL)

Mohd Shah Abdullah

MACHANG, Khamis - Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta ahli Umno terus menghidupkan tradisi demokrasi melalui teguran dan kritikan secara membina bagi menjamin keutuhan, kesuburan dan kemantapan perjuangan parti selaras amalan musyawarah.

Timbalan Presiden Umno itu berkata, walaupun di sesetengah bahagian tiada pertandingan merebut jawatan tertinggi parti dalam pemilihan, ia tidak bermakna tradisi menegur dan mengkritik tidak boleh dilakukan.

Menurutnya, keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya perebutan jawatan tertinggi di peringkat bahagian, terutama di Kelantan dielakkan bertujuan menjamin perpaduan serta kekuatan Umno itu sendiri.

Beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, semangat musyawarah dan syura yang selama ini menjadi teras perjuangan parti harus diteruskan kerana Umno mendokong prinsip demokrasi melalui penyertaan.

"Adalah tidak benar sama sekali dakwaan kononnya tanpa pertandingan dalam Umno, semangat demokrasi dalam parti akan terjejas.

"Saya ingin jelaskan kebijaksanaan keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, perkara yang ingin ditekankan ialah musyawarah dan muafakat.

"Kita tidak menafikan hak dan demokrasi, tetapi kita mahu demokrasi dimanfaatkan dalam semangat musyawarah ke arah kebaikan, sebab itu fokus utama terutama di Kelantan ialah perpaduan yang harus dimulakan secara bulat dan padu di kalangan ahli Umno," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Machang, di dewan Sekolah Menengah Sains Machang, di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa dan Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Mustapa Mohamed dan Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Badan Perhubungan Umno Kelantan sebelum ini mencapai keputusan sebulat suara dan dipersetujui Dr Mahathir supaya semua jawatan Ketua Umno bahagian di negeri ini tidak dipertandingkan demi menjaga perpaduan dan keutuhan parti.

Anwar juga mengingatkan mereka yang dipilih sebagai pemimpin dalam Umno memelihara perwatakan yang baik dan berakhlak mulia, selain mengetahui tanggungjawab besar mereka ialah membela nasib bangsa seluruhnya.

"Ahli Umno yang datang bermesyuarat harus menyempurnakan tanggungjawab memberi teguran membina dan tidak membawa kepada politik `gocoh' (perbalahan) dan adu domba," katanya.

Menurutnya, Umno tidak mampu menjadi sebuah parti yang baik dan model perjuangan tulen jika ahli terlalu taksud dengan fahaman demokrasi sehingga membenarkan fitnah, benci membenci, maki hamun serta cercaan sesama sendiri di kalangan pemimpin dan penyokong.

Mengenai isu ekonomi berikutan kegawatan ekonomi yang melanda negara, Anwar mengulangi gesaan supaya seluruh rakyat terus bersama kerajaan menyokong usaha berjimat cermat.

Beliau berkata, segala perbelanjaan yang dirancang harus mengikut keupayaan dan kemampuan termasuk menangguhkan semua projek besar sehingga kedudukan ekonomi negara kembali pulih.

Anwar berkata, sokongan di pihak rakyat juga diperlukan dengan membeli barangan tempatan serta memperhebatkan kegiatan dalam bidang pertanian bagi mengurangkan pergantungan import bahan makanan.

Katanya, pengurangan kadar penggunaan gula dalam makanan dan minuman juga perlu dilakukan, termasuk di kalangan rakyat Kelantan sendiri yang banyak mengambil gula sehingga mencatat rekod tertinggi penghidap penyakit kencing manis.

Beliau mencadangkan Badan Perhubungan Umno Kelantan mengambil daya usaha melancarkan kempen mengurangkan penggunaan gula di kalangan rakyat di negeri ini.

Menurutnya, Malaysia tidak akan mengharapkan bantuan pinjaman daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang mengenakan syarat ketat, sebaliknya perlu mengekalkan keupayaan untuk terus mentadbir negara ini sama ada dalam keadaan senang atau susah.

(END)